

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J02.01/10.12/2 Jld.3 (6)

5 April 2023
14 Ramadan 1444

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 21/2023

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2023

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2023 dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 ke bawah melalui Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 23 Mac 2023 mengenai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2023 (Rujukan JPA.800-3/2/4 (24).

2. Berdasarkan pekeliling tersebut, Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 125 bertarikh 27 Mac 2023 bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri ini dibayar kepada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) gred 56 dan ke bawah bagi lantikan tetap, sementara, *Contract of Service* dan *Contract for Service* sebanyak RM700.00. Pemberian BKKA ini turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian tertakluk kepada peruntukan Jabatan masing-masing.

3. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* di UTM juga layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM700.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya akan dibayar oleh UTM.

4. Sehubungan itu, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2023 ini akan dibayar pada 17 April 2023.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah (Kampus UTM Pagoh)
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

NAI/GA/saah